



KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB LOKE SIEW FOOK MENTERI PENGANGKUTAN

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN APLIKASI KITS STYLE

13 JULAI 2025 (AHAD)

8.30 MALAM

IBU PEJABAT KORPORAT KTMB

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan atas jemputan serta inisiatif menganjurkan majlis ini.
2. Sesungguhnya, pelancaran KITS Style pada malam ini bukan sekadar pelancaran aplikasi. Ia menunjukkan komitmen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dalam mendukung aspirasi Kerajaan ke arah pendigitalan menyeluruh sektor pengangkutan negara, demi memberi manfaat langsung kepada rakyat.
3. Dengan penggunaan teknologi digital yang semakin luas dalam kehidupan seharian, kita menyaksikan perubahan ketara dalam gaya hidup Rakyat. Permintaan terhadap perkhidmatan digital terus meningkat, dengan pelanggan masa kini mengharapkan pengalaman yang mudah, diperibadikan dan pantas—dimana semuanya dapat diakses melalui satu platform.
4. Inisiatif KTMB ini selari dengan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang lebih cekap, selamat, mampan dan berdaya saing, sekali gus meningkatkan mutu hidup rakyat.

5. SuperApp seperti KITS Style bukan sekadar aplikasi — ia adalah gaya hidup. Menurut laporan Bain & Company (2023), 88% pengguna Asean dan 89% pengguna Malaysia adalah pengguna *smartphone* dan bergantung kepada SuperApp platform berbanding aplikasi khusus kerana berjaya menyelesaikan pelbagai keperluan.
6. Rakyat Malaysia mahukan kemudahan tanpa batas — daripada membeli tiket kereta api, membayar bil, hingga dapat menempah penerbangan — dalam satu aplikasi. Secara purata, rakyat kita mengakses empat (4) perkhidmatan berbeza dalam satu SuperApp. Di Malaysia, sembilan (9) daripada 10 pengguna internet lebih memilih platform SuperApp bagi menjimatkan ruang peranti dan data. KITS Style membawa falsafah ini ke sektor rel.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

8. KTMB telah memulakan langkah pendigitalan pada tahun 2020 melalui pelaksanaan KTMB Integrated Ticketing System (KITS). Pada peringkat awal, KITS diperkenalkan bagi perkhidmatan ETS dan Intercity, kemudian diperluaskan ke Komuter Utara dan Lembah Klang, menggantikan sistem manual yang kurang mesra pengguna.

9. Hari ini, KTMB mengambil langkah dengan penjenamaan semula untuk sistem ini kepada KITS Style, yang bukan lagi hanya platform pembelian tiket. KITS Style kini menjadi sebuah Mobility-as-a-Service (MaaS) SuperApp, menyatukan mobiliti harian dan gaya hidup rakyat dalam satu ekosistem digital yang moden, interaktif dan serba lengkap.
10. Melalui KITS Style, pengguna boleh menikmati pelbagai kemudahan — termasuk pembelian tiket ETS, KTM Komuter, Shuttle Tebrau, tempahan tiket penerbangan, hotel, pembayaran bil utiliti, pembaharuan insurans kenderaan, penghantaran wang, membeli-belah e-dagang dan perancangan perjalanan dengan KITS AI Journey Planner.
11. Ini adalah bukti usaha KTMB dalam menaik taraf pengalaman perjalanan rakyat Malaysia, menawarkan penyelesaian yang lebih menyeluruh, lancar dan menjimatkan masa.
12. Lebih membanggakan, pembangunan aplikasi KITS Style ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama strategik bersama syarikat swasta tempatan dan antarabangsa.

13. Kolaborasi strategik antara KTMB dan ManagePay Systems Berhad (MPay) telah berjaya membangunkan aplikasi KITS Style ini sebagai sebuah platform digital yang dinamik, menyediakan perkhidmatan bersatu dan atas permintaan, serta berfungsi sebagai MaaS SuperApp.
14. Aplikasi ini dibangunkan melalui konsep *smart partnership*, tanpa sebarang kos yang ditanggung oleh KTMB atau peruntukan daripada kerajaan. Ini adalah satu contoh terbaik agensi kerajaan yang inovatif, memanfaatkan kerjasama strategik sektor swasta untuk melaksanakan projek digital yang kompleks tanpa menggunakan peruntukan kewangan kerajaan, namun akhirnya memberi manfaat besar kepada rakyat.
15. Usaha ini juga adalah strategi KTMB untuk menjana *Nonfare revenue*, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada hasil penjualan tiket semata-mata memastikan kelestarian kewangan syarikat dalam jangka panjang, yang secara tidak langsung membantu menstabilkan kos perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Kita juga menyaksikan hari ini pemeteraian MoU antara KTMB dan Capital A, yang bakal menyaksikan pengenalan pakej Fly Rail— mengintegrasikan perjalanan rel dan udara dalam satu ekosistem digital. Bermula dengan ketersambungan *First-And-Last-Mile* di antara perkhidmatan KTMB dan Lapangan Terbang Senai, usaha ini akan diperluaskan pada masa hadapan untuk laluan domestik dan rentas sempadan.
17. Kerjasama ini turut membolehkan integrasi antara program kesetiaan Rail Rewards KTMB dengan platform Air Asia MOVE, menawarkan lebih banyak ganjaran dan manfaat rentas platform kepada rakyat. Penyatuan kekuatan dua penyedia utama pengangkutan rel dan udara bakal meningkatkan tahap keselesaan, memacu industri pelancongan serta logistik negara, dan seterusnya memberi impak ekonomi yang positif kepada rakyat.
18. Dalam masa yang sama, pihak KTMB, dengan kerjasama Mastercard dan MPay, sedang membuat penyediaan demi pelancaran Kad Prabayar KITS Style Mastercard, iaitu kad prabayar transit *open-loop* pertama di Malaysia dan ASEAN yang dikeluarkan oleh rel operator. Kad ini dalam bentuk maya sudah tersedia melalui aplikasi KITS Style, manakala

kad fizikal akan mula diperkenalkan pada September nanti. Dengan ini, rakyat bukan sahaja dapat mengakses pengangkutan awam dalam negara, malah boleh digunakan merentas sempadan ASEAN dengan lebih mudah dan selamat.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Saya amat berharap dengan pelancaran KITS Style ini, KTMB bukan sekadar mendahului trend, tetapi memimpin revolusi digital pengangkutan awam ASEAN.
21. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada KTMB, MPay, Capital A dan Mastercard atas kerjasama strategik yang membolehkan satu ekosistem digital bertaraf dunia ini dilaksanakan yang memberi manfaat terus kepada rakyat.
22. Dengan penuh sukacitanya, saya merasmikan pelancaran Aplikasi KITS Style.

Sekian, terima kasih.